Gandingan Mantap ATM, PDRM Penting Jamin Keselamatan Negara - TPM
Bernama
29 April, 2013

PAGOH, 29 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata gandingan mantap antara pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amat penting dalam menjamin keselamatan negara.

Beliau melahirkan rasa bangga dengan jalinan kerjasama luar biasa antara kedua-dua pasukan keselamatan menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru dalam mewujudkan suasana yang aman dan selamat.

"Dalam peristiwa pencerobohan di Lahad Datu (Sabah), polis dan tentera berjuang bermati-matian untuk pastikan negara selamat. Kita amat menghargai jasa dan pengorbanan pasukan keselamatan," katanya pada majlis kunjungan mesra ke Balai Polis Pagoh di sini, Isnin

Turut hadir isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Ketua Polis Daerah Muar ACP Mohd Nasir Ramli.

Muhyiddin berharap kerjasama antara kedua-dua pasukan keselamatan berkenaan diteruskan terutama dalam menghadapi pilihan raya umum ke-13, Ahad ini.

-- BERNAMA
Copyright © 2013 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946155